

06 NOV 1997

PRESIDEN MACEDONIA LAWAT MALAYSIA MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Presiden Macedonia Kiro Gligorov akan melakukan lawatan negara selama empat hari ke Malaysia mulai Isnin depan atas undangan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar.

Gligorov akan diiringi oleh isteri, Nada dan dua orang menteri, menurut kenyataan Wisma Putra di sini.

Kenyataan itu menyebut bahawa lawatan berkenaan bertujuan untuk memperkukuhkan hubungan persahabatan antara kedua-dua negara terutama dalam bidang politik dan ekonomi.

Aturcara lawatan Gilgorov termasuk mengadakan pertemuan dengan Tuanku Ja'afar dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Macadonia itu juga dijadual melawat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Kawasan Perindustrian Shah Alam dan Unit Perancang Ekonomi. -- BERNAMA

ES FAZ